

Seni silat: Peserta bukan Melayu

Berita Minggu

masih

12 APR 1987

dua peratus

21F 2

PESERTA-PESERTA bukan Melayu yang bergiat dalam seni silat bertambah dengan perlahan dari satu peratus dua tahun lalu kepada dua peratus sekarang ini.

Bilangan itu diharapkan bertambah dengan adanya Pertandingan Kejuaraan Seni Silat Antara Balai-Balai Rakyat yang ketiga pada pertengahan tahun ini untuk merebut Piala Sidek Saniff.

Bercakap dalam majlis taklimat pertandingan tersebut di ibu pejabat Persatuan Rakyat (PA) pagi semalam, Ketua (Bahagian Sukan) Persatuan Rakyat (PA), Encik Yohng Siong Hock, menjelaskan:

"Kami berharap peratus peserta bukan Melayu dalam kegiatan ini akan bertambah dari masa ke masa.

"Peserta bukan Melayu membentuk satu peratus saja apabila pertandingan pertama diadakan dua tahun lalu. Dalam tahun lepas sehingga sekarang bilangan itu ialah dua peratus."

Olahraga

Dalam majlis yang sama, Setiausaha Agung Persatuan Silat Singapura (Persisi), Encik Johari Uriff, pula menekankan bahawa salah satu tujuan pertandingan tersebut ialah memajukannya sebagai olahraga dan kebudayaan.

Katanya: "Ramai menyangka seni silat ada hubungan dengan kebatinan. Bukan begitu. Kami mahu orang ramai, terutama orang-orang bukan Melayu, menerimanya sebagai kegiatan sukan dan ini boleh dilakukan.

"Ini telah terbukti dalam pertandingan silat peringkat antarabangsa di Vienna tahun lalu. Para peserta Eropah didapati lebih baik daripada pesilat-pesilat di rantau ini."

Encik Yong pula me-

nambah: "Selama ini silat dianggap sebagai kegiatan orang-orang Melayu.

"Dengan adanya para peserta bukan Melayu dan pertandingan-pertandingan persahabatan, adalah diharapkan ia akan menjadi salah satu sukan kebangsaan atau Singapura."

Ia juga bertujuan untuk memajukan persefahaman dan kerjasama di kalangan kumpulan-kumpulan silat di balai-balai rakyat.

Sehingga 26 Mac tahun ini terdapat sebanyak 36 buah balai rakyat yang ada kumpulan silat.

Setiap balai dikehendaki menghantar dua orang wakil untuk setiap kelas pertandingan.

Semua sekali ada 18 kelas yang dibahagikan kepada empat kategori, iaitu tiga kelas bagi kategori 'A' (wanita) dan tiga lagi untuk kategori 'B' (lelaki). Umur peserta ialah antara 14 dengan 18 tahun bagi kedua-dua kategori ini.

Bagi kategori 'C' dan 'D' ada enam kelas setiap satu, iaitu untuk wanita dan lelaki. Umur peserta mestilah 18 tahun ke atas.

Encik Johari menerangkan selanjutnya: "Setiap peserta mestilah menjalani pemeriksaan doktor terlebih dulu pada 2.30 petang, 6 Jun, di PA untuk memastikan kesihatan mereka.

"Peringkat saringan pula akan menyusul pada 21 Jun hingga 12 Julai. Ini akan berlangsung di Balai Rakyat Kolam Ayer. Peringkat akhir ialah pada 19 Julai di Dewan Sukan Bedok."

Setiausaha Parlimen (Perdagangan & Perusahaan) dan Anggota Parlimen (Kolam Ayer), Haji Sidek Saniff, akan hadir pada malam peringkat akhir.

Borang-borang penyeritaan boleh didapati dari Bahagian Sukan PA di Kallang. Ia mesti dikembalikan tidak lewat dari 15 Mei.

Pertandingan itu adalah anjuran PA dengan kerjasama Persisi.